

10/10/1997

Brosur MSC orang biasa dilancar esok

KUALA LUMPUR, Khamis - Siri brosur mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk orang biasa akan diedarkan tahun ini bermula dengan versi pertama dalam Bahasa Malaysia yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Sabtu ini.

Majlis pelancaran itu akan diadakan bersempena kempen Teknologi Maklumat (IT) peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Penerangan, kata Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, dalam kenyataan di sini, hari ini.

"Brosur pertama bertajuk 'MSC dan Anda' mempunyai skop dan pendekatan yang luas. Ia memberi penerangan dan pandangan menyeluruh mengenai subjek terbabit dan sasarannya pembaca biasa," katanya.

MDC akan menerbitkan 5,000 brosur, masing-masing dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil.

Katanya, brosur itu berperanan memberi kefahaman mengenai konsep, kesan dan faedah multimedia selain menimbulkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya MSC dalam membangunkan ekonomi Malaysia. - Bernama

(END)